

Potensi Kota Tinggi Sebagai Bandar Pelancongan Warisan Budaya Dan Sejarah Serta Kesannya Terhadap Ekonomi Setempat Di Kota Tinggi, Johor

The Potential Of Kota Tinggi As a Cultural And Historical Tourism City And Impact On The Local Economy In Kota Tinggi, Johor

Goh Jet Yang
¹Mohd Azlan Abdullah

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor

Correspondence e-mel: ¹alit@ukm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan membincangkan potensi, mengkaji faktor yang mempengaruhi dan menganalisis kesan pembangunan sektor pelancongan berteraskan warisan budaya dan sejarah terhadap ekonomi setempat di Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor. Kajian ini melibatkan 100 orang responden yang dipilih daripada penduduk Bandar Kota Tinggi. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif berdasarkan borang soal selidik, pemerhatian, kajian kepustakaan dan laman sesawang. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa Bandar Kota Tinggi mempunyai banyak warisan budaya dan sejarah yang melibatkan monumen, kesenian, makanan, reka bentuk bangunan tradisional dan sebagainya. Contoh monumen yang menarik untuk dikunjungi termasuklah tapak Makam Sultan Mahmud Shah, Muzium, Jambatan dan Menara Jam sebagai destinasi pelancongan yang berpotensi dan berdaya saing. Penduduk Bandar Kota Tinggi juga bersetuju faktor-faktor yang mempengaruhi pembangunan ekonomi bandar tempatan adalah seperti fasiliti kesihatan awam, tadbir urus bandar, persekitaran fizikal, guna tanah bandar dan partisipasi komuniti tempatan. Majoriti responden juga optimis terhadap perkembangan dan pembangunan ekonomi setempat di Bandar Kota Tinggi dari segi peningkatan taraf sosioekonomi, perkembangan peluang pekerjaan, kemudahan pengangkutan dan peningkatan imej Bandar Kota Tinggi. Gabungan faktor-faktor tersebut telah meningkatkan daya saing bandar dan penyertaan pihak berkuasa tempatan dalam mencapainya konsep pembangunan bandar lestari dan pengurusan bandar secara dinamik dan sejahtera.

Kata kunci: bandar, pembangunan, ekonomi pelancongan, warisan budaya dan sejarah, setempat

ABSTRACT

As part of this research, we analyze the potential, study the influencing factors, and discuss the impact of the tourism sector on the local economy in Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor. 100 respondents were selected from Bandar Kota Tinggi in this study. Study methods included questionnaires, observations, library research, and website research, all of which were conducted quantitatively. According to the results, most respondents believed Bandar Kota Tinggi has a lot of cultural and historical heritage, such as monuments, art, food, traditional building designs, and so on. Examples of interesting monuments to visit include the site of the Sultan Mahmud Shah Tomb,

Museum, Bridge and Clock Tower as potential and competitive tourist destinations. Residents of Bandar Kota Tinggi agreed on what influences the local economy, such as public health facilities, urban governance, physical environment, urban land use, and local participation. In Bandar Kota Tinggi, the majority of respondents are optimistic about the socio-economic development, job opportunities, transportation and image of Bandar Kota Tinggi. The combination of these factors has increased urban competitiveness and the participation of local authorities is to achieve the conception of sustainable urban development and dynamic urban management and substance.

Keywords: *urban, economic development, tourism, cultural heritage and historical, local*

1. Pengenalan

Bandar adalah komuniti kompleks di mana kedudukan geografi sangat terhad berhubung dengan saiz bandar di mana jumlah wilayah yang agak kecil bergantung kepada keadaan populasi penduduk bandar (Rene 2010). Pengarang Musa (2017) menerangkan bahawa penyelidikan dan pemahaman terhadap konteks bandar perlu diperdalam melalui bidang-bidang seperti fungsi keterbukaan, penyesuaian, penyebab kitaran kumulatif, pecutan bandar kepada masyarakat, kaedah intensif bandar sebagai kuasa produktif serantau, pemanduan bandar dalam pembangunan ekonomi serantau dan fungsi bandar sebagai tempat inovatif dalam cara hidup manusia dan lain-lain perlu dikaji dan digunakan sepenuhnya. Kejadian urbanisasi dan pengurusan bandar tanpa terancang telah menimbulkan masalah sosioekonomi, kemelesetan kualiti hidup serta pembangunan bandar tidak seiring dengan pembangunan ekonomi negara (Noor Hashimah 2020). Walaupun pembangunan ekonomi yang pesat di bandar-bandar Asia Tenggara, kesan pelancongan domestik dan antarabangsa juga terpakai kepada bandar-bandar di negara-negara membangun. Pembangunan dan pelaksanaan sektor pelancongan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan mengembangkan pertumbuhan fizikal di bandar-bandar dalam kalangan negara sedang membangun (Baum & Ismail 2006). Pada masa ini, bandar sebagai asas penentu dan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi. Bandar menyediakan ekonomi skala, konglomerat dan lokalisasi, menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan yang cekap melalui pengangkutan intensif dan berpusat, komunikasi, elektrik, komunikasi interpersonal, air dan sanitasi (Katiman Rostam 2006). Pertumbuhan ekonomi bandar dan perbandaran sering berkaitan secara positif dan negatif akan menghasilkan kesan pengganda terhadap pembangunan ekonomi bandar tempatan seperti penentuan dan perkembangan pelancongan warisan budaya dan sejarah. Pertumbuhan ekonomi pelancongan bandar juga telah merangsang proses urbanisasi atau fenomena perbandaran seperti hubungan positif ini yang telah dibuktikan dalam kebanyakan negara (Mazlin et al. 2015). Oleh itu, langkah perlu dijalankan dalam penyelesaian masalah pelancongan warisan di Bandar Kota Tinggi sebabnya bandar tempatannya adalah daya penggerak pembangunan ekonomi di peringkat Mukim dan Daerah Kota Tinggi.

2. Tinjauan Literatur

Sorotan literatur perlu memenuhi beberapa syarat iaitu memperkenalkan latar belakang pengetahuan kawasan lapangan, merumuskan isi utama literatur yang terkait dengan topik penelitian, membandingkan pendapat pengkaji lain yang berbeda tentang masalah yang sama, untuk menunjukkan survei dan kesenjangan dalam survei. Beberapa definisi, istilah dan konsep yang berkaitan dalam menyokong isu, fakta dan objektif berdasarkan tajuk kajian ini.

Pembandaran masih dilakukan secara popular dalam peringkat pembangunan yang pesat dan proses susun atur penduduk dalam kalangan negara-negara sedang membangun (Katiman Rostam 2006). Jika bandar-bandar tempatan boleh disusun dan dirancang semula sepenuhnya, hal ini akan menjadi kondusif kepada pembentukan pengagihan tenaga buruh yang seimbang,

dengan itu mempromosikan trend pembangunan yang diselaraskan di kawasan rantau ini (Chen Ming 2020). Dalam erti kata di atas, pembinaan bandar yang moden, secepat mungkin untuk mengisi bandar-bandar kecil di kemudahan perbandaran, perkhidmatan awam, kesihatan alam sekitar dan papan pendek lain dan kelemahan, akan menjadi pemandaran baru dan strategi pemulihan luar bandar untuk menggalakkan promosi yang diselaraskan, pemindahan pertanian sivik penduduk dan menggalakkan kitaran ekonomi domestik dan sebagainya untuk meletakkan asas ruang yang penting (Katiman Rostam 2006 ; Chen Ming 2020).

Patrick dan Imang (2016) telah menerangkan hierarki penempatan di Malaysia iaitu bandarsebagai pusat petempatan tempatan dari peranan jenis bandar yang terdapat di negara kita. Bahan literatur tersebut juga mengemukakan isu dan cabaran pembangunan bandar kecil di sesuatu negeri melalui aspek fizikal seperti bentuk muka bumi, ekonomi dan tadbir urus bandar kecil. Dalam kajian tersebut mengemukakan cabaran mengekalkan kualiti kehidupan komuniti setempat dengan penyediaan taman perumahan, rekreasi, kemudahan kesihatan, dan infrastruktur lain daripada perubahan pembanguna bandar adalah salah satu pengurusan bandar yang penting (Patrick & Imang 2016). Selain itu, kelebihan dan potensi yang dimiliki merangsangkan pertumbuhan dan peningkatan imej dan tahap kualiti sosioekonomi bandar dan komuniti setempat terutama bentuk muka bumi dan tapak atau produk pelancongan yang boleh dibangunkan (Patrick & Imang 2016). Seterusnya, perkhidmatan bandar seperti pengurusan bandar sekitar iaitu sistem perparitan, pemungutan sampah-sarap dan keselamatan terutama banjir dan pendatang asing juga mempengaruhi pengelakkan kejadian bencana alam banjir, kualiti sosioekonomi dan kehidupan komuniti bandar tersebut (Patrick & Imang 2016).

2.1 Bandar

Bandar mempunyai bandar berkembar, hubungan istimewa dengan bandar lain di bandar tempatan, bandaraya, daerah, negeri, wilayah tertentu di negara-negara yang berbeza (Kamus Dewan Edisi Keempat 2005 & Kamus Pelajar Edisi Kedua 2015). Bandar adalah kawasan penempatan bagi lebih dari tiga suku atau setengah populasi dunia dan perjalanan aktiviti ekonomi dunia, yang juga termasuk pengaruh daripada peringkat domestik dan antarabangsa serta menggalakkan dorongan dalam pembangunan ekonomi secara berkesinambungan (UNESCO 2021). Pusat penglibatan aktiviti dan transformasi ekonomi daripada sektor pertanian kepada sektor sekunder dan tertiar, tumpuan pembangunan kemudahan dan infrastruktur seperti kemudahan pengangkutan, penginapan, keselamatan, institusi kesihatan dan sebagainya yang terdapat dari sesuatu bandar di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia 2019).

2.2 Pembangunan Ekonomi Bandar

Pembangunan dianggap sebagai salah satu keupayaan pemimpin dan pemaju untuk membentuk semula persekitaran sasaran dan sekeliling melalui sektor politik, sosial, ekonomi, pentadbiran, pendidikan dan sebagainya dengan menggerakkan proses pemodenan dan pembangunan tanpa meminggirkan kepentingan dan kebajikan ke seluruh hidupan termasuk penduduk di sesuatu kawasan (Shamsul 1990). Kajian sains sosial ekonomi bandar yang merangkumi gelagat ekonomi dan mengkaji hubungan antara aktiviti manusia dan persekitaran fizikal di bawah pengaruh sistem pengurusan dan penguatkuasaan undang-undang daripada penyertaan pihak kerajaan, awam, swasta atau NGO dan komuniti tempatan di sesuatu bandar (Normala 2003).

Satu konsep dan pendekatan yang digunakan untuk menyelesaikan isu-isu urbanisasi, meningkatkan kualiti hidup dan taraf sosioekonomi bagi komuniti tempatan serta mengatasi cabaran pengurusan, mencapai keperluan objektif nasional dan menghadapi trend globalisasi

pada masa hadapan (Normala 2003). Usaha membangunkan bandar yang disokong oleh asas dan struktur ekonomi yang kukuh dan kejayaan program transformasi dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi menjaga kepentingan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar dan habitat manusia, keseluruhan flora dan fauna secara mampan dalam golongan generasi kini dan masa akan datang (Mohd Anwar. 2018). Isu ketidakseimbangan pembangunan kawasan pentadbiran, menjejaskan kualiti kehidupan penduduk, kelemahan perkembangan sosioekonomi di bandar-bandar tempatan juga diwujudkan yang berbanding di kawasan Wilayah Ekonomi Pantai Barat dan Pantai Timur termasuk bandar-bandar tempatan di Daerah Kota Tinggi dan Mersing, Johor (Malaysia 2018 ; Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor 2021).

2.3 *Pelancongan Warisan Budaya Dan Sejarah*

Pelancongan menjadi sebagai pemacu utama industri perkhidmatan yang memberi pelbagai faedah dan sumber pendapatan tinggi kepada pertumbuhan ekonomi dengan aktiviti promosi yang bersasar dan tumpuan pembangunannya (Pejabat Perdana Menteri Malaysia 2015). Sektor pelancongan boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu etnik, budaya, sejarah, persekitaran dan rekreasi sebagai contohnya pelancongan yang berasaskan unsur budaya dan sejarah termasuk persembahan, cara hidup, warisan budaya tradisonal dan tinggalan tapak atau bangunan sejarah, reka bentuk atau seni bina dan lain-lain yang menjadi tarikan utama di sesebuah kawasan destinasi (Siti & Zuliskandar 2018). Pelancongan warisan budaya dan sejarah menunjukkan tindakan pelancong atau pengunjung untuk menerokai pengalaman dan menikmati suasana tempatan tentang warisan budaya, kesenian dan tempat bersejarah atau seni bina bersejarah, muzium tempatan atau objek atau peristiwa yang pelik di destinasi pelancongan yang dipilih (Pirasannah & Rahimah 2021). Bandar Kota Tinggi dikenali sebagai bandar pelancongan bersejarah dan pernah menjadi ibu negeri kerajaan Johor Lama pada 400 tahun lalu dengan keunikan pelbagai ingatan dan sejarah termasuk tinggalan bangunan lama, makam diraja, kota pertahanan, peristiwa bersejarah serta jambatan yang memisahkan pusat bandarnya merintang Sungai Johor di tengah-tengah bandar tersebut (Majlis Daerah Kota Tinggi 2022 ; Omar 2021).

3. Metodologi

3.1 *Tata cara pengumpulan dan analisis data*

Dalam bidang penggunaan metodologi kajian ini, pengkaji akan menggunakan gabungan pendekatan kualitatif secara atas talian dan kuantitatif dengan campuran atas talian dan kerja lapangan untuk memastikan hasil kajian yang boleh dipercayai, analisis data secara sistematik dan memenuhi keperluan dan kemantapan tujuan, objektif dan maklumat kajian ini. Penulisan dan pengumpulan kajian digunakan secara kualitatif iaitu mendapatkan maklumat daripada laman sesawang, dokumen atau laporan rasmi, kajian lepas atau artikel akademik, media massa, kertas kerja persidangan atau seminar dan lain-lain dalam mengekalkan makna yang fleksibel dan kaya semasa mentafsir data kajian (Jasmi 2012 & Ang 2016). Pendekatan kuantitatif yang dilibatkan dalam proses pengumpulan data lapangan melalui pemerhatian dan pengedaran borang soal selidik di kawasan kajian, dan penganalisan data numerikal dan statistik untuk menguji hipotesis atau menjadi sebagai ramalan daripada pengumpulan sampel dan pandangan responden yang dipilih di kawasan kajian (Latifah & Maisarah 2012). Penganalisan data kajian ini melibatkan campuran kualitatif iaitu pengumpulan data melalui kepustakaan, laman sesawang dan saluran media massa secara atas talian dan keputusan hasil kajian berdasarkan kuantitatif iaitu pemerhatian di lapangan dan pengedaran borang soal selidik dengan mengaplikasikan skala Likert daripada angka satu hingga lima yang mengemukakan pernyataan Sangat Tidak Setuju hingga Sangat Setuju dijalankan secara atas


talian dan fizikal di Bandar Kota Tinggi.

Pengumpulan data lapangan ini dengan mengedarkan borang soal selidik secara atas talian dan pertanyaan secara fizikal yang dijalankan di Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor dan penduduk tempatan yang melibatkan sebagai responden yang dipilih dalam mengemukakan pandangan sebenar terhadap isu tahap potensi menjadi bandar pelancongan warisan budaya dan sejarah serta kesan terhadap ekonomi setempat di kawasan kajian yang disebutkan di atas. Sejumlah 100 orang responden yang terlibat dengan kategori demografi adalah 59 orang perempuan dan 41 orang lelaki, berumur antara 14 tahun hingga 65 tahun, majoriti responden berada dalam tahap pendidikan SPM atau MCE, kakitangan swasta dan persendirian, dan kumpulan B40 yang tidak melebihi pendapatan RM 4849 tetapi masih terdapat 7 orang dan 2 orang responden bersamaan kumpulan M40 dan T20.

3.2 Lokasi kawasan kajian

Bandar Kota Tinggi dengan populasi 52 743 orang dan mempunyai sebanyak 220 927 hektar kawasan pentadbiran di bawah Majlis Daerah Kota Tinggi yang terletak di pantai timur di daerah Kota Tinggi, negeri Johor Darul Taazim, Semenanjung Malaysia (Cybo 2021; Tej Kumar 2019). Walaupun purata ketinggian aras laut adalah enam meter, tetapi kebanyakan kawasan Bandar Kota Tinggi terletak di kawasan rendah daripada enam meter di sepanjang Sungai Johor (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor 2021; Tej Kumar 2019). Daerah Kota Tinggi juga mempunyai sepuluh mukim adalah Kota Tinggi yang berwarna oren terang, Johor Lama, Kambau, Pantai Timur, Pengerang, Sedili Besar, Sedili Kechil, Tanjung Surat, Ulu Sungai Johor dan Ulu Sungai Sedili Besar seperti ditunjukkan di Rajah 1.1 manakala pola guna tanah di Bandar Kota Tinggi ditunjukkan sebagai peta ringkas seperti di Rajah 1.2 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2021 ; Majlis Daerah Kota Tinggi 2021).

RAJAH 1. Peta Mukim Daerah Kota Tinggi, Johor



Sumber: Peta diperoleh dari aplikasi Stats Geoportal, Jabatan Perangkaan Malaysia (2021)

RAJAH 1. Peta Pusat Bandar Kota Tinggi



Sumber : Majlis Daerah Kota Tinggi, 2021

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 *Potensi Kota Tinggi Sebagai Bandar Pelancongan Warisan Budaya dan Sejarah*

Makam Sultan Mahmud Shah Mangkat Dijulang, Muzium Kota Tinggi, Jambatan Kota Tinggi, dan Menara Jam Kota Tinggi menjadi destinasi pelancongan yang berpotensi dan terkenal dalam pembangunan pelancongan warisan setempat yang berdasarkan pandangan sebenar responden yang dipilih iaitu penduduk Bandar Kota Tinggi. Pendapatan maklumat berkaitan latar belakang tapak, bangunan atau tinggalan budaya dan sejarah didapati daripada sumber Draf Rancangan Tempatan Daerah Kota Tinggi 2030 oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor (2021). Makam Sultan Mahmud Shah Mangkat Dijulang yang berlokasi di Kampung Makam sebagai tempat dengan nilai warisan sejarah dan budaya yang tinggi dan berkaitan Sultan Mahmud adalah Sultan terakhir berdarah Raja-raja Melaka yang memerintah Empayar Johor pada zaman Kesultanan Johor di Bandar Kota Tinggi. Muzium Kota Tinggi atau dikenali Pusat Sejarah Kota Tinggi memainkan peranan sebagai tapak penyimpanan, penyebaran maklumat warisan tempatan dan persembahan harta benda atau objek yang bernilai daripada segi sejarah pada pemerintahan Kerajaan Johor Lama, Kesultanan Johor, tamadun dan sejarah budaya Melayu tempatan yang terletak berdekatan Kampung Makam, Bandar Kota Tinggi. Jambatan Kota Tinggi sebagai tapak perjalanan aktiviti rekreasi dan memancing ikan, tapak pengambilan gambar yang popular, lambang pemajuan dan pembangunan ekonomi tempatan yang merentasi Sungai Johor di kawasan Bandar Kota Tinggi dan dibina pada tahun 1930 dan dibina semula yang menjadi jambatan konkrit siap pembinaannya pada tahun 1963. Menara Jam Kota Tinggi yang pertama dibina di tepi Jalan Lombong pada tahun 1958 tetapi mengalami dirobohkan dan membina di kawasan dataran tepi Jalan Tun Sri Lanang berdekatan pusat membeli-belah Plaza Kota Tinggi yang dikawal selia oleh pihak Majlis Daerah Kota Tinggi. Manakala destinasi pelancongan kurang berpotensi menjadi destinasi pelancongan setempat adalah Laman Kubu Kota British 1939, Dinding Kesenian, Astaka Budaya, Kampung Kelantan, Makam dan Tembiah daripada pandangan sebenar responden penduduk Bandar Kota Tinggi. Isu keminatan dan kedatangan pelancong ke sesuatu tapak, tahap imej dan penamaan serta keadaan pembangunan dan penjagaan tapak yang dikaitkan adalah unsur-unsur pemerhatian dan pengalaman responden penduduk Bandar Kota Tinggi yang tidak bersetuju tapak-tapak yang disenaraikan di atas. Walaupun mendapati kurang keminatan daripada responden penduduk tempatan, tetapi tapak atau kawasan tersebut mempunyai unsur-unsur keunikan dalam membangunkan sektor pelancongan warisan budaya dan sejarah setempat serta hal ini

perlu diambil tindakan segera oleh pihak berkuasa tempatan untuk menyelesaikan masalah tersebut.

4.2 Faktor Mempengaruhi Kota Tinggi Sebagai Bandar Pelancongan Warisan Budaya Dan Sejarah

Isu-isu yang berkaitan dalam faktor mempengaruhi Kota Tinggi sebagai bandar pelancongan warisan budaya dan sejarah adalah faktor kesihatan awam seperti penularan wabak COVID-19, pentadbiran urusan bandar, kualiti sosioekonomi setempat dan pengaruh daripada globalisasi ekonomi, penurunan kualiti pengurusan dan pengawalan sekitar bandar, pengaruh daripada persekitaran fizikal, guna tanah kawasan bandar dan tahap penerimaan komuniti tempatan telah mendapatkan persetujuan faktor tersebut daripada majoriti responden di kawasan kajian. Pembangunan sektor pelancongan berasaskan warisan semakin malap yang bergantung kemudahan pengangkutan, promosi, tarikan istimewa di sesuatu destinasi pelancongan selepas berlaku wabak COVID-19 dan pengaruh daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan mengehendkan aktiviti politik, sosial dan ekonomi terutama sektor pelancongan walaupun mengalami pembukaan pasaran domestik dan antarabangsa serta pemulihan semula sektor ekonomi dan aktiviti seharian di Malaysia (Adnan 2021; Anon. 2021). Pentadbiran bandar dianggap sebagai gabungan alat penggunaan dan aktiviti pelaksanaan yang membolehkan kawasan pentadbiran terutama di bandar menyediakan perkhidmatan asas dan memenuhi keperluan seharian kepada penduduk dan memberi kuasa kepada pihak berkepentingan awam dan swasta untuk menyumbang dalam pembangunan sosioekonomi setempat (Gulsara, Marat & Svetlana 2020 ; Zainuddin 2018). Dalam bidang sosioekonomi, jumlah populasi penduduk tempatan, keadaan perkembangan industri dan peluang pekerjaan serta tindakan pihak kerajaan dan awam setempat adalah faktor utama pertumbuhan sosioekonomi bandar kerana interaktif tersebut berdasarkan perancangan guna tanah dan penyusunan semula unsur pengetahuan serta kapasiti pertumbuhan peluang pekerjaan yang berbeza jika berbanding dengan bandar lain di kawasan sekeliling (Johnson 2008 ; Abdul Rahman 2011). Pengaruh daripada persekitaran fizikal seperti bencana banjir adalah menjejaskan pertumbuhan sosioekonomi, pemuliharaan tapak atau tinggalan warisan budaya dan sejarah di Bandar Kota Tinggi disebabkan kebanyakan kawasan yang berada kurang enam meter purata paras laut di sepanjang Sungai Johor (Ibrahim et al. 2014 ; Tej Kumar 2019). Di samping itu, kesedaran dan kefahaman daripada penduduk tempatan adalah memainkan peranan penting dalam pemuliharaan warisan budaya dan sejarah, merapatkan hubungan dan interaksi antara pelancong dan komuniti setempat dengan menerapkan ilmu dan pengamalan sosiobudaya yang berbeza bagi mempromosikan aktiviti, pengusaha dan peluang pekerjaan pelancongan bandar (Siti Norsakira & Rosniza Aznie 2018).

4.3 Kesan Pelancongan Warisan Budaya Dan Sejarah Terhadap Pembangunan Ekonomi Setempat Di Bandar Kota Tinggi

Kesan-kesan yang mempengaruhi pelancongan warisan budaya dan sejarah serta ekonomi setempat adalah peningkatan taraf sosioekonomi dan peluang pekerjaan, pencemaran alam sekitar, kemudahan pengangkutan dan peningkatan imej didapati persetujuan pandangan majoriti responden penduduk setempat di Bandar Kota Tinggi. Sektor pelancongan memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya saing dan pertumbuhan ekonomi kepada kawasan tempatan dan negara, terutamanya dalam sumber pendapatan dan kualiti kehidupan penduduk sesuatu negara (Faiza et al. 2019 ; Jessica & Rosazman 2021). Penerokaan tapak dan aktiviti pelancongan daripada pihak pengusaha dan pelancong akan mengubah landskap dan kualiti pengekalan kebersihan dan kesihatan setempat seperti

masalah pembuangan sampah-sarap, pencemaran udara dan air (Johan, Mohamad Zaki & Norria 2014 ; Shamsul Ariff 2016). Cabaran pentadbiran urusan pengangkutan seperti aliran kenderaan semasa tempoh musim perayaan atau pencutian, waktu puncak harian iaitu waktu pagi dan petang, perkhidmatan pengangkutan awam, keadaan struktur dan reka bentuk jalan raya perlu diambil berat dalam perancangan membangunkan pengangkutan bagi memenuhi keperluan dan mengurangkan tekanan sektor pelancongan di kawasan bandar (Shamsul Ariff 2016). Pembangunan pelancongan adalah memberi kesan positif dan negatif kepada destinasi dan pembentukan persekitaran sosiobudaya dan mengukuhkan hubungan komuniti tempatan yang dilibatkan (Giuseppe et al. 2018). Sikap pengamalan pelancong, tindakan pengurusan pihak pengusaha dan penguatkuasaan undang-undang dan penyertaan daripada pihak berkuasa tempatan mempengaruhi permintaan dan penawaran sektor pelancongan warisan serta aspek hulu seperti tapak dan tinggalan warisan budaya dan sejarah di kawasan pentadbirannya (Amriah et al. 2011; Azizul, Norhamsimah & Tarmiji 2014). Penonjolan unsur keistimewaan dan identiti seperti wakil tinggalan dan khazanah budaya dan sejarah tempatan bagi meningkat imej dan memangkinkan peranan Kota Tinggi sebagai bandar pelancongan warisan (Amriah et al. 2011 & Omar 2021).

5. Rumusan dan Cadangan

Bandar menyediakan ekonomi, konglomerat dan lokalisasi, menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan yang cekap melalui pengangkutan intensif dan berpusat, komunikasi, elektrik, komunikasi interpersonal, air dan sanitasi. Pertumbuhan ekonomi bandar dan perbandaran sering berkaitan secara positif dan negatif akan menghasilkan kesan pengganda terhadap pembangunan ekonomi bandar tempatan seperti penentuan dan perkembangan pelancongan warisan budaya dan sejarah. Tujuan kajian ini mengumpulkan data lapangan melalui kaedah pemerhatian dan mengedarkan borang soal selidik bagi mendapatkan pandangan atau pengalaman sebenar terhadap persepsi dan ramalan pembangunan sektor pelancongan berteraskan warisan budaya dan sejarah, tahap sosioekonomi serta mengekalkan kawasan perlindungan atau sensitif alam sekitar daripada pengaruh aktiviti dan projek pelancongan tersebut di Bandar Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor. Kesimpulannya, persoalan dan dapatan kajian daripada tiga objektif kajian ini perlu merealisasikan interaksi dan kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat yang memainkan peranan penting dalam mencapai objektif pembangunan ekonomi dan bandar di Bandar Kota Tinggi bagi menyelesaikan masalah-masalah. Pengkaji juga mengharapkan kerja kajian ini menjadi sebagai pemangkin dalam mengenalpasti kepentingan pembangunan sosioekonomi dan kawasan bandar dalam kalangan komuniti setempat dan pihak berkuasa tempatan.

Rujukan

- Abdul Rahman E. (2011). Perbandaran dan kehidupan bandar di Semenanjung Malaysia. *Akademika* 81(2): 23-39.
- Adnan J. (2021). Sektor pelancongan berasaskan warisan harapkan pemulihan. *Berita Harian*, 21 Ogos: 21.
- Amriah et al. (2011). Pelancongan budaya di Koridor Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER): isu dan cabaran. *Malaysian Journal of Society and Space* 7 : 180-189.
- Ang K.H. (2016). Pengenalalan rangka kerja metodologi dalam kajian penyelidikan: satu kajian

- kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 1(1): 17-23.
- Anon. (2021). Banjir Johor: Bandar Kota Tinggi ditenggelami air. *Astro Awani*, 3 Januari: 21.
- Azizul, Norhasimah & Tarmiji. (2014). Cultural heritage tourism in Malaysia: issues and challenges. *SHS Web of Conferences* 12 : 1-8.
- Baum & Ismail. (2006). Urban tourism in developing countries: in the case of Melaka (Malacca) City, Malaysia. *Journal of Tourism and Hospitality Research* 17(2): 211-233.
- Cybo. (2021). Poskod di Kota Tinggi-populasi bandar-81900.
- Faiza M. et al. (2019). The contribution of sustainable tourism to economic growth and employment in Pakistan. *International Journal of Environmental Research and Public Health* 16(19): 1-14.
- Giuseppe et al. (2018). Events and tourism development within a local community: the case of Winchester (UK). *International Journal of Sustainability* 10(10): 1-23.
- Gulsara A., Marat Ye. & Svetlana O. (2020). The management of urban development for the regional economic growth: the example of Kazakhstan. *Research Gate* 16(4): 1285-1301.
- Ibrahim et al. (2014). Flood loss assessment in the Kota Tinggi. IOP Publishing 18 : 2-6.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2019. Definisi dan Konsep Perbandaran di Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor. (2021). Draf Rancangan Tempatan Daerah Kota Tinggi 2030.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Stats Geoportal-Peta-Malaysia-Johor-Kota Tinggi.
- Jasmi K.A. 2012. Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Research Gate* 1 : 1-14.
- Jessica & Rosazman. (2021). Impak aktiviti pelancongan ke atas komuniti setempat: tinjauan literatur. *Journal of Borneo Social Transformation Studies* 7(1): 1-14.
- Johnson B. (2008). Cities of innovation and economic development. *Research Gate* 10(2): 146-155.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Pelajar. (2015). Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Katiman Rostam. (2006). Pemandaran dan perkembangan wilayah metropolitan lanjutan Lembah Klang-Langat, Malaysia. *E-Bangi*, 1(1): 1-27.
- Latifah & Maisarah. (2012). Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan Bahasa Malaysia. *UKM Journal Article Repository* 4(1): 77-102.
- Lei. Y.H. (2016). *Economics Explained: Why You Should Study it and Your Career Prospects*. London Academic UK. London: University of London.
- Majlis Daerah Kota Tinggi. (2021). Peta Bandar Kota Tinggi, Mukim Kota Tinggi. Majlis Daerah Kota Tinggi. 2022. Sejarah Kota Tinggi-Bandar Kota Tinggi.
- Malaysia. (2018). Laporan Tahunan 2018-Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).
- Mazlin et al. (2015). Pelancongan berasaskan warisan di Malaysia: potensi dan cabaran. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-8 Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran*, Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Langkawi, Kedah, 21-22 September.
- Mohd Anwar P.R. (2018). Pertumbuhan pesat bandar disokong ekonomi kukuh. *Berita Harian*, 8 Februari: 18.
- Musa WeSam. (2017). The Impact of Smart City Initiatives on Cities's Local Economic Development. *FHSU Scholar Repository*, 501: 1-60. Kansas: Fort Hays State University.
- Noor Hashimah H.L. (2020). Kontra Urbanisasi Rapat Jurang Pembangunan Bandar dan Luar Bandar. *Berita Harian*, 23 Disember: 20.
- Normala Ismail. (2003). Sistem ekonomi Islam: definisi, falsafah dan masalah asas ekonomi.

- Wahana Akademik* 2(1): 74-82.
- Omar A. (2021). Keunikan Kota Tinggi. *Harian Metro*, 3 Mac: 21.
- Patrick & Imang. (2016). *Pembangunan bandar kecil di Sabah: isu dan cabaran*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (2015). Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020.
- Pirasanah & Rahimah. (2021). Mengukur pembangunan pelancongan warisan berdasarkan petunjuk pelancongan lestari di Melaka tengah. *Journal of Social Science* 7(2): 66-81.
- Rene M. (1910). The Definition of The City. *American Journal of Sociology*, 4(1): 536-548.
- Shamsul A.B. (1990). Konsep pembangunan. Masyarakat Malaysia yang Membangun. hlm. 15-21. Putrajaya: Penerbit Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Shamsul A.B. (2016). Kesesakan lalu lintas di bandar Segamat, Johor. Tesis Sarjana, Program Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Siti Norsakira & Rosniza Aznie Che Rose. (2018). Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan. *Malaysian Journal of Society and Space* 14(1): 102-115.
- Siti S.M. & Zuliskandar R. (2018). Potensi pembangunan pelancongan berasaskan warisan di Bandar Hilir, Melaka: analisis swot. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 2(1): 253-265.
- Tej Kumar. (2019). Flood resilience in Malaysian citites: a case study of two towns in Johor state. *International Journal of Disaster Resilience in the Built Environment* 11(3): 1-14.
- UNESCO. (2021). Introduction of Creative Cities Network. Paris: UNESCO.
- Zainuddin B. (2018). Cabaran pengurusan warisan bina bandar di Bandaraya Kota Kinabalu (1881-2012). *Jurnal Borneo Arkhailogia* 2(1): 115-134.